

D915

U B582 DEB
MAHATHIR - PELAJARAN

KODIANG, 2 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA, KEJAYAAN DALAM PELAJARAN TIDAK BERMAKNA MENCAPAI KELULUSAN YANG BAIK SEMATA-MATA TETAPI IA HARUS DISUSULI DENGAN AMALAN NILAI-NILAI HIDUP YANG SEMPURNA.

KATANYA, GURU-GURU HENDAKLAH MENERAPKAN NILAI-NILAI YANG MULIA KEPADA MURID-MURID KERANA IA SANGAT DIGALAKKAN OLEH AGAMA ISLAM.

PERDANA MENTERI BERKATA ANTARA NILAI-NILAI MULIA DALAM ISLAM IALAH SIFAT AMANAH, BERDISIPLIN DAN MENGHORMATI ORANG TUA.

JIKA SESUATU KAUM TIDAK MENGAMALKAN SIKAP AMANAH DAN RAJIN, MAKA KAUM ITU TIDAK AKAN BEROLEH KEJAYAAN, KATANYA KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN BARU SEKOLAH KEBANGSAAN TENGGU BENDAHARA DI SINI.

KATANYA, KEMUNDURAN UMAT ISLAM SEKARANG DISEBABKAN MEREKA TIDAK MENGAMALKAN NILAI-NILAI YANG MULIA ITU. -- LAGI.

1607MST 02 04 87

D916

U B583 DEB
MAHATHIR - PELAJARAN 2 KODIANG

+ISLAM MENGAJAR KITA SUPAYA MENGANGGAP SEMUA ORANG ISLAM SEBAGAI SAUDARA TETAPI KITA BERMUSUH SESAMA ISLAM SEHINGGA BERLAKU PEMBUNYAN SESAMA SENDIRI SEPERTI YANG BERLAKU DI BEBERAPA NEGARA ASIA BARAT,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, SEKOLAH MERUPAKAN INSTITUSI YANG PENTING UNTUK MEMBENTUK GENERASI MUDA YANG BERGUNA UNTUK NEGARA PADA MASA AKAN DATANG.

OLEH ITU, PARA GURU HENDAKLAH MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH BERKESAN UNTUK MEMASTIKAN KEJAYAAN DASAR PENDIDIKAN NEGARA.

GURU-GURU SEHARUSNYA DAPAT MELAKUKAN TUGAS INI DENGAN BERKESAN KERANA MEREKA TELAH MENERIMA LATIHAN YANG CUKUP DI MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN, TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN DAPAT MENYEDIAKAN KEMUDAHAN PERSEKOLAHAN DAN MEMBINA INSTITUSI PELAJARAN DI NEGARA INI SETELAH MENCAPAI KEMERDEKAAN. -- LAGI.

1608MST 02 04 87

D932

U B589 DEB
MAHATHIR - PELAJARAN 3 KODIANG RRR

KATANYA, PADA ZAMAN PENJAJAH, RAKYAT TIDAK DIGALAKKAN MENDAPAT PENDIDIKAN TINGGI KERANA MEREKA SEDAR JIKA RAKYAT CERDIK KEDUDUKAN PENJAJAH AKAN TERANCAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, ALASAN ITU BENAR KERANA GOLONGAN CERDIK PANDAILAH YANG TELAH MEMPELOPORI PERJUANGAN MENCAPAI KEMERDEKAAN NEGARA.

KATANYA, KERAJAAN MEMBINA SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH DI SELURUH NEGARA KERANA KERAJAAN MEMPUNYAI WANG CUKUP DAN MENYEDARI PENTINGNYA PELAJARAN KEPADA RAKYAT.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, TIDAK ADA MAKNANYA BANGUNAN-BANGUNAN SEKOLAH YANG TERBERGAM JIKA PENCAPAIAN MURID-MURID TIDAK MENINGKAT.

BELIAU BERKATA, PERBELANJAAN UNTUK PELAJARAN MERUPAKAN YANG TERBESAR DIPERUNTUKKAN OLEH KERAJAAN DALAM BELANJAWAN NEGARA SETIAP TAHUN.

KATANYA, GURU-GURU JUGA PERLU MEMPERLUASKAN PENGETAHUAN MURID-MURID DI SAMPING MENGAJAR PELAJARAN BIASA.

GURU-GURU SEBAGAI GOLONGAN PROFESIONAL TERBESAR DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB BESAR UNTUK MEMAJUKAN PELAJARAN MURID-MURID, TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA.

1648MST 02 04 87